

Recent Malay Books from Singapore – March 2024

Mary Martin Booksellers Pte Ltd
Blk 231, Bain Street
#03-05, Bras Basah Complex
Singapore 180231
Tel : +65-6883-2284/6883-2204
info@marymartin.com
www.marymartin.com

Literature

Ikan-Ikan Tropika (Naskhah Revisi) : Bunga Rampai Karya Sastera Grup Gelorasa dan Sasterawan Segelanggang / Djamal Tukimin (Ed) Faridah Taib, Kamariah Buang & Nordita Taib
Second Revision
Singapore: Pustaka Melayu Publisher, 2023
326p.
9789811731563
\$ 35.00 / PB
556gm.

MEMANG pekerjaan ini sudah dimulakan dengan mengumpulkan dari beberapa sumber dari fail, pamflet, pewarta persatuan, buku-buku lama, majalah dan juga tabloid-tabloid mingguan. Dalam hal ini karya-karya yang termuat dalam buku Ikan-ikan Tropika ini merupakan hasil-hasil karya dari sumber tersebut. Namun begitu ada yang menarik di mana karya-karya puisi dan cerpen misalnya dari M.I.A., Narsen Hs, Elfy Runianto, Haron Abdulmajid, Mohamed Aziz, Girgahayu, Nurim, Saerah Salleh dan lain-lain bersumber fail-fail sidang editor Mingguan Arena pada tahun 1971 yang sempat disimpan dan sudah berusia lebih dari 50 tahun. Lebih istimewa lagi dari sumber yang sama terdapat teks ceramah mengenai kebangkitan oleh grup Gelorasa sebagai satu angkatan yang pernah disampaikan di National Junior College (NJC) pada tahun 1971. Teks ceramah terpenting seperti ini merupakan suatu dokumen sejarah terhadap perkembangan sastera Melayu terutama era pasca perpisahan dari Malaysia pada tahun 1965 itu dulu. Disebabkan buku Ikan-ikan Tropika ini yang pada mulanya diterbitkan secara stensilan hanya memuatkan puisi-puisi angkatan muda penyair itu maka dalam terbitan maka konsep penerbitan sudah berubah. Maka bahan-bahan terutama tek kertaskerja/ceramah dan esei juga dimuatkan. Demikian juga terhadap sebuah dokumen kritikan sastera dari Mohd. Naim Daipi yang disiarkan terpisah-pisah dan kertaskerja Yatiman Yusof pada PSN 1 itu juga dimasukkan.

<http://www.marymartin.com/web?pid=869759>

Penyair-Penyair Muda Singapura Di Tengah-Tengah Forum Masyarakat: Sebuah Dokumentasi Sastera – Sebuah Antologi Bersama Puisi : / Djamal Tukimin
Singapore: Pustaka Melayu Publisher, 2023
110p.
9789811731570
\$ 15.00 / PB
139gm.

BEBERAPA perkara yang perlu dicatatkan di sini yang mana dapat dianggap penting dalam usaha untuk mengelakkan sebarang kekeliruan dan salah salah yang mungkin timbul. Pertama, semua karya puisi-puisi pernah diterbitkan dalam format stensilan (saikostail) tidak berubah sedikit pun dengari teks aslinya mahupun dari bentuk dalam persembahannya. Teks-teks dalam bait-bait puisi tersebut yang berusia hampir 50 tahun itu juga tidak ditambah mahupun dikurangi. Kedua, mengenai profil para penyair yang terlibat wajar dikemas-kinikan agar lebih representatif sebagai kluster sasterawan yang mana kelakonannya yang mempunyai saham besar dalam perkembangan mengenai pemupukan regenerasi angkatan sasterawan Melayu di Singapura yang mula bergerak cergas pada awal tahun-tahun 1970-an.

Ketiga, delapan penyair ini mewakili angkatan sasterawan muda pasca Angkatan 50 yang terdiri kalangan anak-anak muda yang terdiri (hanya sebahagian saja yang diperhitungkan ketika penerbitan pertama buku ini pada tahun 1977) dari Abdul Kadir Pandi (24 tahun), Eunus Asah (31), Ismail Sarkawi (25), Izmas (24), Nuryusman (Haron) Abdulmajid (27), Sapiee Ahmad Razaly (25), Shamsidah Sulaiman (27) dan Tiah Selamat (19). Sementara yang menulis pengantar pada bukut tahun 1977 itu Djamal Tukimin juga berusia 31 tahun.

Keempat dalam ulasan pada pengantar ini masih mengekalkan seluruhnya ide dan bahan yang tertulis di penerbitan stensilan itu. Kecuali, jika perlu melihatnya karya-karya itu dari perspektif kontemporari itu hanya sebagai nilai tambahan.

<http://www.marymartin.com/web?pid=869760>

Cakrawala Sastera Melayu, Sastera Sufi : Serentetan Tanggapan Awal Sastera Islam Di Singapura Moden : Sebuah Dokumentasi Sastera / Djamal Tukimin

Singapore: Pustaka Melayu Publisher, 2023

168p.

9789811731525

\$ 20.00 / PB

204gm.

DENGAN semangat yang berkobar-kobar dalam usaha untuk mengumpulkan makalah-makalah dalam tema keagamaan (baca: keislaman) dan menerbitkan dalam bentuk buku maka saya secara peribadi merasakan bahawa penat lelah itu adalah satu ujian dalam kesabaran untuk mendaki walau dalam menongkat, tentunya - ke puncak keilmuan dalam sastera Melayu moden dan terkini dalam dimensi keislaman dan barangkali, menjejak kesufian.

Kerja keras yang dirasakan itu nampaknya berbaloi bila dirujuk kepada teman-teman sambil menimbulkan isu-isu seni dan sastera Islam dalam perjumpaan informal itu mendapatkan tanggapan yang positif dan memberangsangkan. Sebarang kritikan terutama yang menyentuh prinsip dan persoalan sastera Melayu yang bertolak dari nilai keislaman dan 'kesufian' adalah dunia senio yang harus dibukan dengan seluas-luasnya. Kerana seni sastera ini merupakan ladang seni yang cukup subur dan dapat menumbuhkan pohon-pohon sastera yang segar yang dapat cicip dalam segala zaman. Malahan ianya dapat dianggap sebagai solusi terbaik dan terulung untuk memberi nilai budi (etika) dan keindahan (estetika) yang mantap serta relevan dengan tamadun manusia dan kemanusiaan pada zaman moden ini.

<http://www.marymartin.com/web?pid=869761>

Perempuan Adalah Rawanhiba, Rawanhiba Adalah Cinta : Antologi Puisi / Djamal Tukimin

Singapore: Pustaka Melayu Publisher, 2023

176p.

9789811731501

\$ 18.00 / PB

208gm.

PADA saya puisi, ketika itu, memang kelihatan sedang mencari satu pendirian dan prinsip perpuisian dalam meneroka dan mencari penyelesaian yang wajar terhadap jati diri puisi Melayu ini dengan berbagai-bagai eksperimen baik dalam tema, falsafah pemikiran dan perasaan serta dalam yang dapat digubah secara holistik dalam persembahan. Namun begitu pada peringkat awalnya pula tekanan tertumpu kepada mendepani nilai kegamaan, yang sedang dicari-cari tanpa pedoman yang jelas sebagai anak muda tetapi memerhatikan juga kepada tema yang sudah cukup tua bergulat dan terlunta iaitu cinta. Namun ciptaan puisi yang sempat dicerna, dicoret dan direkam dalam tema dalam rentasan pemikiran yang saya tekuni itu mulai menjejaki perjalanan jauh dan terasa agak sukar sedikit dalam sifat yang terus laju meneroka dan dari aspek itu mulai bercambah dan sedikit sebanyak juga mahu berubah terutama dalam pendekatan ciptaan-ciptaan karya saya.

Puisi-puisi yang dimuatkan daalam buku ini kebanyakannya lebih dari 70%

sudah tersiar dalam berbagai surat-khabar dan majalah-majalah budaya/sastera seperti Berita Minggu (Singapura /KL), Utusan Zaman (KL), Mingguan Arena (Singapura), Majalah Filem (Singapura), Dewan Sastera (KL), Dewan Masyarakat (KL), PENULIS (Pena/KL), Majalah DIAN (Kelantan), Majalah Santajiwa (Kelantan), Majalah al-Islah (Pulau Pinang) dan lain-lain. Banyak juga puisi-puisi saya dibaca, diulas dan diterbitkan dalam rancangan puisi Manikmati ajak terbitan Bahagaian Melayu Radio Singapura yang bermula dari rtengahan tahun 1960-an hingga awal tahun 1970-an.

<http://www.marymartin.com/web?pid=869762>

Kerana, Kita Masih Mampu Menuai Makna Sedu Sedan Umat : Antologi Puisi Pilihan / Djamal Tukimin
Singapore: Pustaka Melayu Publisher, 2023

68p.

9789811731532

\$ 15.00 / PB

92gm.

SEBENARNYA terdapat berbagai cara atau bentuk penerbitan buku antologi atau kumpulan puisi dari seseorang penyair. Masing-masing dari mereka memiliki tujuan tertentu dalam usaha untuk membeli masyarakat penikmat atau pembaca dengan berbagai cara 'menjual'nya. Jangan salah faham puisi itu bukan barangan tetapi falsafah ataupun ideologi yang terselip di dalamnya dengan tujuan dan konsep perjuangan seseorang penyair.

Saya mempunyai cara tersendiri bagaimana hendak menonjolkan puisi-puisi ke tengah-tengah pasaran puisi yang sangat kecil itu dan tidak begitu diminati. Entah berapa titik poin dari kalangan masyarakat itu pula yang menjadi 'pembeli atau peminat atau penikmat puisi-puisi ada umumnya. Tetapi ada penyair masih papan atas atas saham puisi ini kerana puisi itu sendiri adalah sejarah khazanah yang unik dan tidak akan 'hilang dalam minda dan kehidupan yang diwakili oleh para penyair dengan pasaran seni masyarakat sendiri tangap disadari dalam berbagai bentuk dan rupa apa pun. Kerana dengan begitu karya seni dalam hubungan ini puisi maka secara tidak langsung terjadilah proses produksi yang kreatif kerana puisi berada dalam suasana yang berbagai dimensi dalam dunianya tersendiri. Puisi memang tidak cukup untuk semua meluahkan perasaannya kerana puisi itu sudah ada fungsi dan peraanannya. Adalah, tidak tepat atau tidak wajar menyatakan kalau fungsi puisi itu tidak memenuhi luahan perasaan dalam proses semacam telling the story' misalnya maka carilah format lain seperti cerpen atau novel atau drama untuk mencukupinya.

<http://www.marymartin.com/web?pid=869763>

Dipisahkan Oleh Selat Sejarah : Sebuah Kumpulan (Elegi) Puisi / Djamal Tukimin & Zaihasra

Singapore: Pustaka Melayu Publisher, 2023

92p.

9789811731549

\$ 15.00 / PB

118gm.

Dipisahkan oleh selat sejarah perahu ketulusanmu masih parah, masih membawa sisa-sisa bahagia tetapi sebenarnya ada dukalara, ada luka tak berdarah ada ria mesra barangkali, belum sempat terarah – kata Djamal Tukimin

Kutanya lagi pada hati ini kenapa senandung lagumu sepi? Kutanya lagi pada jiwa ini mengapa menangis sendiri, barangkali. Bahagia sudah berlari, membebani duia tak terperi – kata Zaihsara

<http://www.marymartin.com/web?pid=869764>

Lambaian Melayu Singapura – Nusantara Membedah Seni : Sebuah Rentetan Puisi / Djamal Tukimin

Singapore: Pustaka Melayu Publisher, 2023

38p.

9789811731518

\$ 12.00 / PB

60gm.

SEBAB itu saya menulis tentang masyarakat Melayu yang mendominasi Asia Tenggara dan dikenal dengan nama sisio-budaya sebagai alam Nusanantara. Dalam puisi yang dianggap sebagai "kertaskerja" ini memang terasa begitu luas lingkaran dan ruang yang begitu mendalam kehidupan orang Melayu dan dengan nilai kemelayuannya ini kelihatan terus berkembang pesat tanpa jenuh, mampu dilestarikan sebaik-baiknya dengan sedaya upaya walaupun dalam satu nafas tidak semuanya menggunakan gaya dan loghat bahasa yang sama. Tetapi, dari satu sosok, masih terasa nilai cukup mendalam akan budaya Melayu apalagi orang-orang Melayu dalam satu perjumpaan semasa pertemuan di Ranong itu yang kedudukannya dekat dengan Segenting Kra yang tidak jauh juga dari tempat tinggal sudah berzaman-zaman bagi orang-orang Melayu di pulau-pulau Dua dan Singa di Laut Andaman. Pulau-pulau Dua dan Singa itu

dibawah kuasa pemerintah Myammar tetapi penduduk-penduduknya yang kita jumpa masih fasih bertutur dalam loghat bahasa Melayu yang baik dan murni lagi sempurna.

<http://www.marymartin.com/web?pid=869765>

Ya Rasulallah ﷺ : Himpunan 313 Puisi “Sang Kekasih” / Dato’ M. Azhar bin Abdullah

Batam, Indonesia: Focus Publishing Intermedia, 2024

xx, 2322p.

9786238873951

\$ 50.00 / HB

558gm.

Buku berjudul *YA RASULALLAH: Himpunan 313 Puisi “Sang Kekasih”* yang ditulis oleh Dato’ M. Azhar bin Abdullah ini merupakan kumpulan naskah puisi yang ditulis sejak 2009 silam. Puisi-puisi tersebut ini merujuk pada Al Quran dan hadis, buku-buku agama, termasuk dari para guru dan ulama, dan rujukan yang terdapat di internet, serta tentunya dari ilham yang diberikan oleh Allah.

Penulisan buku ini bertujuan untuk menyampaikan pesan yang penting kepada setiap Muslim atau yang bukan Muslim agar mereka dapat mengenali Nabi Muhammad SAW sebagai manusia yang paling agung dalam pelbagai aspek kehidupan. Buku ini terdiri dari 12 bagian (kategori) dan jumlah semuanya terdapat 313 rangkap.

Buku ini menjadi unik dan istimewa karena kekhasannya yang ditulis dalam bahasa Melayu. Seperti yang dikemukakan oleh ulama besar Prof. DR. H. Abdul Somad, Lc., D.E.S.A., Ph.D dalam kata pengantarnya, bahwa dari sekian banyak referensi syair tentang Nabi Muhammad SAW, dirinya belum menemukan referensi dalam bahasa Melayu. Sampai akhirnya ia membaca naskah berjudul Ya Rasulallah (Himpunan 313 Puisi “Sang Kekasih”) ini.

<http://www.marymartin.com/web?pid=869766>

Beralun Kasidah Pantun Di Lautan Kasih (Himpunan 500 Pantun Kontemporari Melayu) : Sebuah Koleksi Pantun /

Djamal Tukimin & Maimunah Abdul Rahman

Singapore: Pustaka Melayu Publisher, 2023

114p.

9789811868481

\$ 18.00 / PB

136gm.

TIDAK berlebihan bila dapat dikatakan bahawa menulis atau lebih lebih lagi mengubah pantun secara langsung itu adalah sebuah ciptaan dari khazanah dan kekayaan seni Melayu yang murni dan tertua ini. Itupun mungkin seseorang itu dapat mengubah pantun dalam beberapa detik sahaja tetapi ada pula seseorang pencipta pantun itu harus menguras pemikiran sambil mengetuk-ngetuk jiwa dan perasaan untuk menggores dan menglisankan pantun. Demikianlah dirasakan oleh kami berdua ketika menulis dan mencipta pantun ini.

<http://www.marymartin.com/web?pid=869767>

Sembilan Antologi Sonian Temasik / (Ed) Eunosa Asah

Singapore: EUNOSASAH (Self-Published), 2024

x, 100p.

9789811893216

\$ 20.00 / PB

96gm.

Alhamdulillah, wasyukurillah, Allah swt, masih memberi kita waktu untuk menghirup nafas kehidupan. Melimpahi kita dengan kemudahan untuk terus berkarya.

Berupaya memahami hakikat kehidupan, mengangkatnya ke dalam huruf-huruf yang kita rangkai dari endapan kesadaran yang terdedahan dari rasa dan fikir kita.

Tahun ini, genap sembilan tahun puisi pendek Sonian hadir di ranah sastera Indonesia, Saya tidak hendak membicarakan seberapa jauh Sonian telah memberi kontribusi pada sastera

Indonesia dan kesannya yang merangkumi seluruh Nusantara. Saya hanya ingin menyampaikan terima kasih tak terbilang kepada banyak penulis Sonian, baik Sonian Indonesia, Malaysia dan Singapura dan sahabat-sahabat Soni Farid Maulana yang tak henti mendukung Sonian hingga saat ini. lo

Di sini di meja kerjanya, saya menuliskan ini, Sebuah Catatan Kecil, untuk Antologi Sembilan Tahun yang diterbitkan atas prakarsa pendiri Sonian Temasik Singapura, Bapak Eunus Asah yang sudah dedikasikan dirinya untuk Sonian sejak pertama kali kami bertemu beliau bersama Soni Farid Maulana di Bandung, pada 2014. Sehingga kini Bapak Eunus Asah @ Eunosasah teruskan warisan Sonian untuk memperkaya khazanah sastera khususnya. Alfatihah untuk Almarhum Soni Farid Maulana, Penggagas puisi Sonian. sekian dan Wassalam.

<http://www.marymartin.com/web?pid=869510>

Mencari Hang Tuah Yang Hilang Di Kota New York : Sebuah Kumpulan Cerpen / Djamal Tukimin

Singapore: Pustaka Melayu Publisher, 2023

96p.

9789811868238

\$ 15.00 / PB

124gm.

SEBELUM itu sekitar tahun 1961 saya sudah mempunyai dua buku kumpulan-kumpulan puisi dengan beberapa cerpen Keris Mas, Hamzah, Usman, yang juga karya-karya Harun Aminurashid, Ahmad Lutfi semuanya dalam tulisan jawi yang pernah dibaca di khutub-khanah (perpustakaan) Taman Bacaan di dalam taman hiburan di Geylang Serai. Disaat itulah minat saya dalam membaca karya sastera mulai tumbuh dengan begitu mendalam sekali.

Pada tahun 1963 pula ketika berumur 17 tahun dan aktif di rumah Persatuan Persuratan Pemuda Pemudi Melayu (4PM) di atas bukit Jalan Eunus, Kampung Melayu saya masuk sayembara menulis cerpen sempena dengan kempen Bulan Bahasa Kebangsaan anjuran Kementerian Kebudayaan di Singapura. (Pada waktu itu Singapura dalam Persekutuan Malaysia). Sayembara penulisan cerpen itu seperti dalam suasana peperiksaan di sekolah. Saya dapat habiskan penulisan cerpen tersebut dalam masa satu jam setengah dalam masa yang diberikan sekitar dua jam. Selepas dua minggu melalui telefon di pejabat 4PM diberitahu saya muncul sebagai pemenang pertama dalam sayembara cerpen tersebut. Akhirnya cerpen tersebut dimuatkan dalam majalah Suara Belia terbitan 4PM. Saya mahupun pihak sidang editor Suara Belia tidak menyimpan salinan cerpen tersebut. Dalam perkembangan sastera buat diri saya yang memulakan penulisan cerpen tetapi ternyata saya ternyata lebih kuat dalam bidang puisi.

Dalam penulisan cerpen sejauh ini saya mampu menulis cerpen tidak sampai pun sepuluh dalam masa hampir 60 tahun. Ternyata saya lebih banyak menulis esei dan kritikan sastera.

<http://www.marymartin.com/web?pid=869768>

Surat Kepada Penulis / Sharifah Mohamed

Singapore: Sharifah Mohamed (Self-Published), 2023

164p.

9789811888243

\$ 35.00 / PB

224gm.

Penulis belajar erti kejayaan setiap kali sebuah tulisan itu selesai dikarang.

pembacaan kita. Saya percaya bahawa setiap tulisan yang baik mahupun buruk dapat menyentuh jiwa setiap pembaca. Sekurang-kurangnya, hati kita berdetik bahawa itu suatu tulisan yang bagus ataupun tidak.

<http://www.marymartin.com/web?pid=867568>

Nilawarisan : Budaya, Bahasa, Sastera dan Seni Berlanggam / Azhar Ibrahim Alwee (et al.)

Siri Warisan Singapura

Singapore: The Malay Heritage Foundation, 2024

xii, 290p.

9789811891328

\$ 35.00 / PB

446gm.

SIRI WARISAN MELAYU SINGAPURA.

Jika karya-karya mengenai masyarakat Melayu Singapura lazimnya ditulis dari sudut pandang luaran, siri Warisan Melayu Singapura ini kini mengemukakan makalah-makalah berkenaan masyarakat Melayu Singapura yang dihasilkan oleh para penulis Melayu sendiri. Dalam rangkaian tajuk yang disajikan, siri ini meliputi berbagai-bagai aspek termasuk perkembangan sejarah sosial, seni dan budaya, sosioekonomi serta semangat keusahawanan. Setiap pemakalah mengetengahkan pengamatan masing-masing mengenai isu-isu yang berkait rapat dengan masyarakat kita, baik yang berbentuk tantangan masa dahulu mahupun yang terkini. Setinggi-tinggi harapan kami agar siri Warisan Melayu Singapura ini dapat menyemarakkan semangat penyelidikan demi mempertingkatkan pemahaman dan penghargaan terhadap warisan serta sumbangan masyarakat kita dalam pembangunan Singapura

"Kumpulan esei ini membuktikan sebelas pengkaji sastera yang terdiri daripada mahasiswa dan graduan muda tapi berani mencari pendekatan yang di luar kotak pemikiran hipotesis dan sinteksis hingga mengusulkan satu teori alternatif yang munasabah tapi cukup membuka mata peminat sastera yang selama ini dibelenggu oleh teori-teori sastera yang gah dan mapan." - Hamed Ismail

<http://www.marymartin.com/web?pid=869769>

Performing Arts

Sejarah Drama Melayu Di Singapura : Dari Zaman Bangsawan Hingga Devised Play : Analisis Drama dan Sindrom Politik Purbawara Kalam Hamidi Hinggi Sindiran Nasionalistik Anwar Hadi Ramli / Djamal Tukimin
Singapore: Pustaka Melayu Publisher, 2023

314p.

9789811731587

\$ 35.00 / PB

370gm.

Pada zaman pasca-modern penggiat-pegiat drama masih bergerak baik sejak tahun-tahun 1980-an hingga tahun-tahun dalam alat baru ini. Nama-nama besar yang secara langsung terlibat dalam bidang dan aspek drama pada zaman pasca-modern ini termasuklah Nongtjik Ghani, Bani Buang, Rahman B, Shaharom Hussein, Kalam Hamidi, Ramli Ahmad, Nadiputra, Sapie Ahmad Razaly, Safri Manaf, M. Saadi, Hussin Jahidin, Salim Bachik, Osman Jailani, S. Sahlan, Aziz Singah, Rubiah Suparman, J. A. Halim, dan lain-lain lagi. Maka nama-nama baik yang ketika menjelang dan masuk alaf baru seperti Sabri Buang, Mohd. Raman Daud, Nor Effendi Ibrahim, Nor Effendi Badron, Ishak Latif, Andika Mawar, S. Wira, Shamsudin Said, Yusof Maruwi, Hameed Ismail, Atin Amat, Alin Mosbit, Anwar Hadi Ramli, Zizi, Haryani Ismail, dan lain-lain lagi telah memperlihatkan satu tahap dalam perkembangan yang meyakinkan. Juga dalam senarai seperti ini timbul juga sutradara/pengarah yang terbaik seperti Bani Buang, Nongtjik Ghani, E. F. Kamaludin, Lut Ali, Andika Mawar, Efendi Badron, Khairul Anwar Salleh, Noor Efendi, Atin Ahmad, Alin Mosbit, Alfian Saat, dan lain-lain lagi yang mampu memperlihatkan gaya dan kebolehan pengarahan masing-masing.

<http://www.marymartin.com/web?pid=869770>

Seekor Kerbau Hitam Dalam Mimpi Sang Pangeran Tomtom: Sebuah Kumpulan Drama / Djamal Tukimin

Singapore: Pustaka Melayu Publisher, 2023

224p.

9789811731556

\$ 22.00 / PB

264gm.

Pada awal tahun 1990 saya menulis sebuah drama berjudul 'Imam' yang memakan masa sekitar tiga jam. Latihan sudah dimulai di bawah Persatuan Kemuning Singapura di Telok Ayer Performance Arts Centre (TAPAC). Saya diminta oleh pihak Kemuning untuk mengarahkannya sementara itu panggung Drama Cente pun sudah ditempah. Oleh drama 'Imam' ini terdapat banyak pemegang watak yang mana tidak dapat dijalankan dan dibatalkan saja. Pihak Kemuning meminta saya menulis sebuah drama lagi untuk menggantikannya. Maka lahirlah naskhah 'Seekor Kerbau Hitam Legam Dalam Mimpi Sang Pangarean Tomtom' yang dipentaskan juga di panggung Drama Centre itu selama tiga malam berturut-turut.

<http://www.marymartin.com/web?pid=869771>
